



GIS Untuk Kehidupan Lebih Baik



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar tertarik dengan teknologi penyelidikan GIS.

SERDANG, 4 Mac – Hari Sistem Maklumat Geografi (GIS) 2010 mendedahkan kelebihan aplikasi GIS melalui teknologi moden sebagai wadah membantu dalam membuat keputusan.

Program tahunan anjuran Malaysia Remote Sensing & GIS Society Student Chapter (MRSGISSC) UPM itu, bertujuan untuk memberi informasi terkini tentang aplikasi GIS, mengenalpasti kesannya kepada kehidupan individu, perniagaan dan masyarakat serta meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepentingannya.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh berkata GIS telah memberikan teknologi yang mampu meningkatkan pembangunan ekonomi negara dan memperkenalkan arah tuju bidang penyelidikan GIS untuk kepentingan di masa hadapan.

"Kini lembaga penyelidikan sedang melakukan kajian mengenai pelbagai aspek geografi dan teknologi GIS. Kerajaan Malaysia kini telah melabur dalam infrastruktur data 'spatial' melalui dua kementerian dan berharap dapat mengikuti perkembangan dunia teknologi dan sains," katanya ketika merasmikan majlis di Auditorium Kejuruteraan, Fakulti Kejuruteraan UPM.



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar berucap ketika merasmikan majlis di Auditorium Kejuruteraan UPM.

Tema untuk acara tahun ini 'GIS untuk Kehidupan yang Lebih Baik' dengan harapan GIS akan lebih dibangunkan dan digunakan oleh seluruh masyarakat dunia dalam penyelidikan saintifik, pengurusan sumber, pengurusan aset, arkeologi, penilaian kesan alam sekitar, perancangan bandar, kartografi, jenayah, sejarah geografi, pemasaran, logistik, pertanian,

ketenteraan dan pelbagai bidang lagi untuk menjana kehidupan sejahtera yang lebih baik.

Objektif program ini dianjurkan ialah untuk memberikan informasi terkini tentang aplikasi GIS, untuk meneroka kesan GIS kepada kehidupan individu, perniagaan dan masyarakat dan untuk menanda aras arah nasional bagi memanfaatkan kesan GIS.

Majlis yang dihadiri seramai 400 peserta daripada Institut Pengajian Tinggi, agensi kerajaan dan sektor swasta itu menyediakan dua kuliah umum oleh Pengarah Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MacGDI), Fuziah Abu Hanifah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), dan Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan UPM, Dr. Alias Mohd Sood.



Prof. Dato' Dr. Abu Bakar memberi keterangan tentang kepentingan penyelidikan GIS untuk kepentingan manusia sejahtera di masa hadapan.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Mohd Faisal Md Noor 03-89466011).